

Newspaper	Utusan Melayu
Date	05/08/17

LM-5/8/2017 pg. 9

Penjelasan Dr. Mahathir ikut versi sendiri

KUALA LUMPUR 4 Ogos - Setelah sekian lama menutup mulut, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dilihat berusaha memberi penjelasan mengenai skandal perdagangan mata wang asing Bank Negara Malaysia (BNM) yang mengalami kerugian sebanyak AS\$10 bilion (RM44 bilion) pada 1991 hingga 1993 mengikut versinya sendiri.



RAJA PETRA

Penganalisis politik, Raja Petra Kamaruddin berkata, dalam tindakan itu, Dr. Mahathir bukan sahaja menggambarkan seolah-olah dirinya tidak bersalah dalam isu berkenaan malah beliau turut menyalahkan pihak lain.

"Itu adalah cara Dr. Mahathir. Beliau sepatutnya menulis sebuah buku yang bertajuk 'kebenaran seperti yang saya lihat' atau 'kebenaran terletak di mata orang yang melihatnya' sebelum meninggal dunia," katanya menerusi portal *Malaysia Today* hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Dr. Mahathir dalam temu bual bersama sebuah portal berbahasa Inggeris semalam yang menjelaskan mengenai kerugian BNM pada waktu itu berpunca daripada kegagalan pihaknya melihat kesan Perjanjian Maastricht ditandatangani pada 7 Februari 1992 yang mendorong kepada pembentukan Kesatuan Eropah dan pengenalan mata wang tunggal.

Dalam temu bual itu, Dr. Mahathir memberitahu, BNM memutuskan bahawa sebahagian daripada pengurusan rizab negara termasuk perdagangan mata wang dapat mengekalkan jumlah rizab.

Raja Petra menambah, Dr. Mahathir juga mencetuskan idea membuka pejabat dagangan di London bagi tujuan perdagangan mata wang asing sewaktu era pentadbirannya.

Malah, katanya, Dr. Mahathir turut menghantar bekas Gabenor BNM, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz untuk menerajui pejabat dagangan di sana.

"Faktanya adalah pembukaan pejabat dagangan di London adalah merupakan idea Dr. Mahathir (Dr. Mahathir mengaku membukanya) dan Zeti turut dihantar ke sana pada waktu itu.

"Dr. Mahathir dan Zeti amat rapat, malah beliau memberitahu tentang apa yang perlu dilakukan Zeti termasuk melakukan sabotaj terhadap 1Malaysia Development Bhd. (1MDB)," dakwanya.

RAJA PETRA KAMARUDDIN
Penganalisis politik

Itu adalah cara Dr. Mahathir. Beliau sepatutnya menulis sebuah buku yang bertajuk 'kebenaran seperti yang saya lihat' atau 'kebenaran terletak di mata orang yang melihatnya' sebelum meninggal dunia."